

<b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b>	<b>Etiqa General Insurance Berhad (“Kami”)</b>
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli <b>RiderCare PA</b> . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	<b>RiderCare PA</b> <b>Tarikh : 01/03/2024</b>

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini adalah pelan kemalangan diri asas yang menyediakan perlindungan terhadap kematian, hilang upaya kekal dan tunai ihsan akibat kemalangan.

**2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?**

Perlindungan / manfaat adalah seperti berikut:

SEKSYEN MANFAAT	Jumlah Manfaat di dalam Ringgit Malaysia (RM)			
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
1. Kematian akibat kemalangan	5,000	10,000	15,000	20,000
2. Hilang Upaya Kekal akibat kemalangan	5,000	10,000	15,000	20,000
3. Tunai Ihsan	500	500	500	500

**Nota:**

- Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
- Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat-manfaat di atas.
- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza berdasarkan pelan yang anda pilih seperti di bawah:

Premium Asas Tahunan (RM)			
Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
13.00	26.00	38.00	51.00

Semua premium (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang dikenakan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

**4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada ejen	25% daripada premium
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00

**5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?**

**Kepentingan Pendedahan**

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

**Kelayakan** – Hanya warganegara Malaysia, penduduk tetap Malaysia atau penduduk yang bekerja dan tinggal secara sah di Malaysia dengan umur minimum 16 tahun hingga 65 tahun. Polisi ini boleh diperbaharui secara tahunan mengikut pilihan kami sehingga umur 70 tahun. Polisi ini akan tamat apabila anda mencapai umur 71 tahun.

**Tunai Sebelum Perlindungan (CBC)** – Premium hendaklah dibayar sebelum tarikh polisi berkuatkuasa.

**Perlindungan Kerja-kerja Pejabat atau Di luar Waktu Bertugas** – Jika pekerjaan atau anda terlibat dengan senarai pekerjaan yang dinyatakan di bawah, perlindungan di bawah polisi ini akan diberikan dengan syarat:

- Anda ditugaskan untuk melakukan tugas-tugas pejabat atau dalam pejabat sahaja; atau
- Anda di luar waktu bertugas dan atau selamat kembali ke daratan pada masa kemalangan dan kecederaan badan tidak timbul semasa melaksanakan pekerjaan anda atau apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pekerjaan anda.

**Senarai Pekerjaan:**

- ketenteraan, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, ahli bomba atau pengawal keselamatan atau pegawai;

- b. krew penerbangan, krew kapal, krew carigali minyak, penyelam atau nelayan;
- c. pelombongan, pembalakan, pengilangan papan, kerja-kerja kayu atau kerja-kerja bawah tanah;
- d. perobohan/pemusnahan, peletupan atau kuari;
- e. aktiviti-aktiviti atau kerja yang melibatkan perancah (*scaffolding*), gondola, tali atau kabel; atau
- f. pengendalian bahan letupan, gas beracun atau berbahaya, cecair atau bahan pejal;

**Tuntutan** – Semua tuntutan hendaklah dimaklumkan kepada kami secepat mungkin tidak melebihi 30 hari selepas kejadian yang melayakkan anda untuk membuat tuntutan ke atas polisi. Sila kemukakan kepada kami semua dokumen yang berkaitan untuk menyokong tuntutan anda. Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh kami untuk mengesahkan tuntutan tersebut perlu dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan anda sendiri.

**Nota:** Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

**6. Apakah pengecualian-pengecualian di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau hilang upaya yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

- a. Memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah atau di bawah pengaruh alkohol dan dadah;
- b. Penyertaan atau cubaan untuk menyertai aktiviti yang menyalahi undang-undang, bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan;
- c. Peperangan, serangan, pemberontakan, dan tindakan keganasan;
- d. Kecacatan atau keuzuran fizikal dan mental yang sedia ada;
- e. Terlibat di dalam sukan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti berbahaya;

**Nota:** Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

**7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, Anda akan menerima bayaran balik sebahagian premium, tertakluk kepada premium simpanan Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (25.00), dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tempoh insurans.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat perhubungan atau peribadi?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya. Adalah juga penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam profil hayat anda termasuk pekerjaan anda dan aktiviti peribadi yang akan menjejaskan profil risiko.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Etiqa General Insurance Berhad (197001000276)**

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Menara B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

Etiqa Online: 1300 13 8888

E-mel: info@etiqa.com.my

Laman Web: www.etiqa.com.my

**10. Lain-lain jenis perlindungan insurans Kemalangan Diri yang boleh didapati.**

Sila rujuk kepada ejen atau cawangan kami untuk jenis perlindungan serupa yang ditawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN MERUJUK SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI ANDA. ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA MESTI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI CAWANGAN KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang terkandung dalam helaiian pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024.